

Pertembungan elit politik

Parti Golkar, PDIP dijangka bersaing hebat

Pada bulan lalu, penulis berkesempatan bertemu dengan sarjana politik Islam terkenal Indonesia yang juga Profesor dari Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta, Azyumardi Azra dalam satu seminar antarabangsa.

Soalan penulis apa pandangan beliau mengenai PEMILU 2014 yang akan berlangsung tidak lama lagi?. Beliau menjawab, kehairahan rakyat Indonesia dalam berpolitik semakin perlahan dan semangatnya tidak seperti awal era reformasi dan pasca kejatuhan Suharto.

Penulis bersetuju dengan pandangan beliau kerana selepas lebih 15 tahun era reformasi berlangsung sejak Suharto dijatuhkan oleh gerakan rakyat pada tahun 1998, diakui proses demokrasi di Indonesia semakin menuju kematangan dan mencapai konsolidasi. Pada awal reformasi, tidak dinafikan rakyat Indonesia cukup bersemangat dalam menjayakan demokrasi dan penyertaan politik mereka. Demokrasi dianggap sebagai satu pesta yang patut diraikan sehingga menimbulkan fenomena euphoria atau gembira yang berlebihan pada ketika itu.

Reformasi politik diperkenal

Sewaktu era pemerintahan BJ Habibie misalnya, kemunculan parti

politik umpama cendawan tumbuh selepas hujan. Reformasi politik yang diperkenalkan oleh Habibie membenarkan penubuhan parti politik baharu, asalkan ia tidak menimbulkan isu perkauman dan agama.

PEMILU 2014 bakal menyaksikan persaingan antara 12 parti politik. Parti berkenaan adalah Parti Demokrat, Parti Demokratik Indonesia Perjuangan (PDIP), Parti Keadilan Sejahtera (PKS), Parti Golongan Karyawan (Golkar), Parti Amanat Nasional (PAN), Parti Kebangkitan Bangsa (PKB), Parti Persatuan Pembangunan (PPP), Parti Bulan Bintang (PBB), Parti Hati Nurani Rakyat (HANURA), Parti Gerakan Indonesia Raya (GERINDRA), Parti Keadilan dan Persatuan Indonesia dan Parti Nasional Demokrat (Nasdem).

Dua parti politik dijangka bersaing hebat iaitu Parti Golkar dan PDIP. Ini sememangnya telah dijangka kerana kedua-dua parti ini adalah parti politik senior berbanding parti politik yang lain. Jaringan parti pada setiap pelusuk Indonesia dan sumber kewangan yang kukuh memberi kelebihan kepada Golkar dan PDIP.

Pencalonan Gabenor Jakarta, Jokowi Widodo sebagai calon Presiden dari Parti Demokratik Indonesia Perjuangan (PDI-P) baru-baru ini, dilihat banyak pihak sebagai strategi parti itu untuk meningkatkan sokongan dalam PEMILU Legislatif, 9 April ini. Populariti Jokowi sebagai pemimpin yang dekat di hati rakyat dijangka

dapat menarik sokongan pengundi dalam pilihan raya nanti.

Persaingan daripada parti politik yang berorientasikan Islam nampaknya masih gagal menyaingi parti nasionalis dan sekular. Fasa pluralisme demokrasi dan kepelbagaian agama yang rancak berlangsung di Indonesia telah banyak mempengaruhi pendekatan parti politik berorientasikan Islam. Mereka tidak lagi berpegang kepada ideologi dan bermain isu agama kerana ia akan membataskan sokongan pengundi kepada mereka. Walau bagaimanapun, pendekatan parti politik berorientasikan Islam ini mengakibatkan kecairan identiti mereka sehingga sukar untuk membezakannya dengan parti nasionalis.

Rakyat perlu bijak memilih

Parti Keadilan Sejahtera (PKS) pernah dilihat sebagai parti politik berorientasikan Islam yang mempunyai masa depan yang cerah dalam persaingan politik di Indonesia. Pendukung parti yang terdiri daripada golongan intelektual Islam dan profesional banyak mengubah persepsi tentang sebuah parti berjalurkan Islam selama ini. PKS dilihat sebagai sebuah parti Islam yang moden dan progresif. Namun, beberapa skandal rasuah dan salah guna kuasa yang membabitkan pemimpin PKS banyak mengubah pandangan rakyat Indonesia terhadap kemampuan parti itu untuk memimpin Indonesia.

Justeru, apakah pilihan yang ada

pada rakyat Indonesia selaku pengundi dalam PEMILU nanti? Menurut Musni Umar, seorang ahli sosiologi terkenal di Indonesia, rakyat Indonesia perlu bijak memilih sebuah parti yang benar-benar mempunyai amanah untuk memimpin mereka.

Hukum parti politik tak bertanggungjawab

Tegasnya lagi, rakyat Indonesia sebagai pemilik kedaulatan (kekuasaan) perlu diupayakan, diceraikan dan disedarkan supaya dalam mengamalkan demokrasi, semakin cerdas dan berani memaksa parti politik untuk bertanggungjawab kepada rakyat ketika memimpin pemerintahan dan ikut serta dalam pemerintahan. Rakyat perlu menghukum parti politik yang tidak bertanggungjawab dan menjadikan mereka sebagai pembangkang.

PEMILU masih dilihat pertembungan antara elit politik dan bukannya pertembungan parti politik dalam erti kata yang sebenar. Ketika rencana ini ditulis, parti politik yang bertanding sedang giat menjalankan kempen masing-masing. Rapat umum terbuka berakhir semalam setelah dibenarkan sejak 16 Mac 2014 lalu. Sebagai negara jiran, kita mendoakan perjalanan PEMILU 2014 dapat diadakan dengan baik dan sempurna. Malaysia sudah memilih pada tahun lalu dan kini Indonesia pula.

Penulis

ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)



MOHD IZANI
MOHD ZAIN

